

SOROTAN AWAL KEDUDUKAN LEMBU DALAM AJARAN HINDU

Nurhanisah Senin, Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Zainory Shafie
nurhanisah@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Lembu merupakan haiwan yang dianggap suci dalam agama Hindu, Jaina, Buddha dan Zoroaster atas faktor-faktor yang berbeza. Kertas kerja ini akan membincangkan kedudukan lembu dalam ajaran Hindu sebagai sorotan awal. Penghargaan masyarakat Hindu terhadap lembu dimanifestasikan menerusi sambutan hari Ponggal iaitu pesta menuai selama beberapa hari dan hari kedua daripada perayaan tersebut dikhurasukan untuk memberi penghargaan kepada lembu peliharaan mereka. Justeru, penganut Hindu dilarang membunuh lembu serta memakan daging lembu kerana ianya dianggap sebagai haiwan yang suci. Dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, kajian mendapati kedudukan lembu dianggap suci kerana ianya dianggap sebagai wahana dan binatang kesayangan dewa-dewa penganut Hindu. Lembu juga dianggap sebagai ibu selain ibu yang melahirkan. Selain daripada itu lembu menjadi binatang peliharaan yang paling disanjung kerana banyak berbakti kepada manusia. Tuntasnya, kedudukan lembu yang dianggap sebagai dewa menjadikan lembu haiwan yang sangat diagungkan dan dihormati dalam kalangan penganut Hindu.

Kata kunci: *Hindu, lembu, kedudukan, suci, ibu, dewa*

PENDAHULUAN

Permulaan amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu dapat dikaitkan dengan aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India. Pada zaman pra-Hindu di India atau dikenali sebagai zaman Veda kuno, lembu disembelih dan dimakan dan merupakan salah satu makanan terpenting yang ditawarkan kepada para dewa dan dimakan oleh peserta-peserta dalam upacara agama Hindu (Achaya, K.T, 2002) Pada zaman Hindu klasik, lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang istimewa mahupun suci seperti yang difahami dalam konteks hari ini (Jha, Dwijendra Narayan, 2002). Seiring dengan peredaran masa, golongan Brahmin menjadi kasta yang bertanggungjawab terhadap perlindungan binatang ternak daripada sebarang penyembelihan. Lembu menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani (Margo DeMello, 2012). Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alatan bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya.

Harris Marvin seorang ahli antropologi teoritis paling kontroversial abad ke-20 memberikan teori mengenai kesucian lembu. "*India's sacred cow*" oleh Marvin Harris menyatakan penggunaan agama, sosial, dan bahkan praktikal lembu, memperkuatkan

keyakinan orang India terhadap kesucian haiwan peliharaan. Menurut beliau, lembu adalah haiwan suci dan tidak boleh disembelih bagi masyarakat Hindu. Lembu adalah sumber penting dalam menghasilkan susu dan produk tenusu yang lain dalam masyarakat Hindu. Lembu digunakan untuk menarik pembajak dalam pertanian, susu lembu untuk diminum, kotoran lembu boleh dijadikan baja dan bahan api memasak serta menjadi sumber tenaga yang penting, dan tanduknya digunakan dalam industri kulit. Lembu juga dijadikan sebagai binatang utama dalam masyarakat Hindu kerana mempersembahkan banyak manfaat disamping pengeluaran kos penjagaan dan perbelanjaan ekonomi yang minimum serta sedikit. Lembu tidak perlu disediakan makanan yang susah oleh sebab lembu hanya memakan rumput, tidak memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk menjaganya, dan lembu tidak perlu disediakan tempat tinggal seperti manusia (Harris Marvin, 1987).

Sudah difahami secara meluas bahawa antara ajaran utama dalam Hindu adalah penyucian lembu di kalangan masyarakatnya. Lembu dianggap sebagai binatang yang suci, maka menyembelih dan memakannya adalah tindakan yang tidak dapat diterima (Stephen K. Sanderson, 2011). Dengan membunuh, seseorang itu akan menghalang kitaran semula jadi kelahiran dan kematian haiwan itu, dan oleh sebab yang demikian, haiwan itu harus dilahirkan semula dalam bentuk yang sama dengan kematianya yang mana ia adalah tidak wajar.

Kebanyakan penganut Hindu yang bersungguh-sungguh mendalamai ajaran agama Hindu akan berpantang daripada memakan daging lembu atau apa-apa yang berkaitan dengan lembu malahan banyak pula diantara mereka yang menempuh hidup sebagai *vegetarian* (Ketut Wiana, 1993). Mereka yang tidak memakan daging lembu bukanlah kerana mereka menganggap lembu itu haram ataupun jijik bahkan mereka meninggalkan perkara tersebut sebagai tanda menghormati lembu. Dalam kenyataan di tengah-tengah masyarakat, ada dua alasan utama kenapa masyarakat Hindu berpantang makan daging lembu, iaitu:

- i. Kerana lembu atau lembu itu diagungkan oleh Kitab suci Hindu, ia diangkat sebagai binatang suci dan lambang alam semesta, istana bagi Tuhan yang Maha Esa.¹
- ii. Sebagai perwujudan ajaran Ahimsa. Ahimsa yang bermaksud tidak membunuh dan tidak boleh melakukan kekerasan. (Ketut Wiana, 1993)

Secara keseluruhan, penganut Hindu mempercayai bahawa lembu merupakan haiwan yang suci. Membunuh serta memakannya adalah satu kesalahan dalam ajaran Hindu. Kepercayaan Hindu dalam isu menyakiti haiwan terkait secara tidak langsung dengan ajaran Jaina yang melarang sama sekali menyakiti apa sahaja makhluk yang hidup kerana ianya dianggap sebagai satu kezaliman.

¹ Alasan ini akan melahirkan suatu sikap bahawa bumi yang tidak dapat dirosak yang dilambangkan oleh tubuh lembu. Yang boleh diambil untuk kehidupan dan bahan makanan manusia itu adalah hasil bumi itu sendiri.

LEMBU DAN DEWA HINDU

Dalam agama Hindu juga, binatang lembu merupakan binatang yang dihormati dan diagungkan serta dimuliakan oleh masyarakat Hindu kerana lembu dianggap sebagai tempat bersemayam bagi para dewa-dewi. Lembu merupakan binatang pilihan para dewa-dewi kerana lembu merupakan binatang yang memberikan kehidupan pada alam semesta. Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan. Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Mereka mempersesembahkan doa-doa serta pujian untuk lembu kerana telah memberikan kehidupan dan kemakmuran. Menurut Sri Radha Govindaji (1998), dalam mitologi dan falsafah masyarakat Hindu, Lembu merupakan kenderaan Dewa Siva. Lembu dikenali sebagai *Nandini* yang setia kepada Dewa Siva. Dalam setiap perjalanan Dewa Siva, *Nandini* selalu setia menghantarkannya. Dalam suatu cerita, *Nandini* rela meninggalkan keluarganya demi menghantar Dewa Siva. Maka lembu dianggap sebagai binatang yang terhormat, kerana mampu menyerahkan dirinya untuk melayani dewa. Kerana rasa hormat dan kagum dari masyarakat hindu itulah yang menyebabkan lembu sangat dihormati (Kadek Sumila, 2017).

Krishna, salah satu bentuk jelmaan tuhan yang paling dihormati juga cenderung kepada lembu. Dewa Krishna sangat menyukai lembu sehingga dia ingin menjadi pengembala lembu. Krishna digelar sebagai Gopala yang bermaksud pelindung lembu. Gopala merupakan suatu lambang hubungan antara alam semesta beserta dengan segala isinya dengan Tuhan. Dewa Krishna merupakan penjelmaan Tuhan dalam tubuh manusia dengan tujuan untuk memelihara dan menjadi pelindung alam semesta dari kejahatan dan kerosakan (Made Darmayasa, 2009).

Lembu dikatakan tempat tinggal semua Tuhan. Setiap atom di dalam tubuh lembu adalah tempat tinggal 33 esensi tuhan antaranya Brahma dan Vishnu pada akar dua tanduk. Parvathi di pinggir kepala, Shankara di kepala pusat, Kartikeya di hidung, Kambala dan Ashwatara Devas di hidung, Ashwini Kumaras di telinga, Indra di leher, Dharma di paha, Moksha di kaki, dan lainnya. Selain itu juga, Kesemua 14 dunia dongeng wujud di kaki lembu (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Berdasarkan tradisi dan mitologi masyarakat Hindu, penghormatan terhadap lembu sehingga sekarang masih diamalkan oleh masyarakat Hindu. Lembu disebut sebagai *Kamadhenu* atau *Surabi* yang bermaksud ibu pertama dari semua ternakan. Lembu merupakan ibu dari semua makhluk yang memberikan kehidupan kepada alam semesta ini. Di negara India sendiri, penghormatan terhadap lembu dilihat dari segi masyarakat Hindu berpantang dari memakan daging lembu dan lebih memilih hidup sebagai *vegetarian*. Selain itu, sebagai salah satu cara menzahirkan rasa syukur mereka, masyarakat Hindu meletakkan patung-patung lembu di kuil-kuil tempat mereka melakukan sembahyang. Dengan begitu, rasa hormat kepada lembu akan selalu diingati oleh masyarakat Hindu.

Menurut Jero Sesepuh Istri, di dalam tubuh lembu bersemayamnya tiga puluh tiga dewa. Dewa-dewa tersebut bersemayam ditempat yang berbeza-beza, ada yang di perut, paha, punggung dan leher. Disebabkan keyakinan bahawa di tubuh lembu menjadi tempat bersemayam bagi para dewa-dewi, maka tidak mungkin diperbolehkan perbuatan menyembelih lembu. Masyarakat Hindu juga menghormati lembu sebagai perwujudan dari

ajaran *ahimsa*. *Ahimsa* bermaksud tidak melakukan kekerasan dan tidak boleh membunuh semua makhluk yang bernyawa. Menurut Jero Sepuh Istri juga, sebagai rasa syukur kepada tuhan sepatutnya kita saling menghormati sesama mahluk ciptaan tuhan seperti tidak membunuh binatang yang berkaki empat (Jero Sepuh Istri, 2017).

Kitab Harivamsha menggambarkan Krishna sebagai penjaga lembu. Dia sering digambarkan sebagai Bala Gopala, "anak yang melindungi lembu." Satu lagi nama Krishna iaitu Govinda, bermaksud "orang yang membawa kepuasan kepada lembu." Tulisan-tulisan lain mengatakan lembu sebagai "ibu" dari semua tamadun, susunya yang menyuburkan populasi penduduk. Hadiyah seekor lembu diangkat sebagai hadiah tertinggi. Susu lembu dipercayai mempromosikan kualiti *Sattvic* (menulenkan). *Ghee* (dijelaskan mentega atau lemak) dari susu lembu digunakan dalam upacara dan menyediakan makanan keagamaan. Susu lembu digunakan sebagai baja, sebagai bahan bakar dan juga sebagai pembasmi kuman di rumah (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Dalam kitab Purana mengatakan bahawa Prithvi iaitu Dewi bumi adalah dalam bentuk seekor lembu, dan ia berjaya diekstrak menjadi pelbagai bahan yang bermanfaat untuk faedah manusia. Dalam Padmapurana, lembu adalah tempat kediaman Dewi kekayaan. Ia juga mengatakan wujud hubungan baik antara lelaki dan lembu. Rumah tanpa seekor lembu seolah-olah rumah yang tiada kasih-sayang. Di dalam kitab Purana dan juga Itihasa, lembu atau lembu itu disebut sebagai Kamadhenu dan juga disebut sebagai Nandhini dan Surabi² (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

Tuntasnya, Kitab-kitab Hindu mengangkat lembu sebagai anugerah yang dikurniakan kepada alam semesta dan ianya terkandung banyak kebaikan yang boleh dimanfaatkan dari haiwan tersebut seperti lemaknya, susunya dan sebagainya. Lembu merupakan sumber kekayaan dan kemewahan kerana lembu adalah tempat kediaman Dewi Kekayaan. Lembu juga menyuburkan kesihatan semua makhluk hidup.

LEMBU DALAM TEKS HINDU

Menurut Made Darmayasa (2009), ajaran untuk menghormati binatang lembu tidak hanya berdasarkan pada falsafah Hindu dan mitologi-mitologi sahaja namun ajaran untuk menghormati lembu juga dijumpai pada kandungan kitab-kitab Hindu. Terdapat banyak ayat-ayat dan seloka yang menjelaskan bahawa lembu merupakan binatang yang suci dan masyarakat Hindu dilarang dari memakan daging terutamanya daging lembu atau kerbau. Lembu memiliki pandangan yang damai dan penuh kasih kepada semua yang melihatnya, sehingga lembu menjadi binatang para dewa. Dalam kitab suci agama Hindu iaitu kitab suci Veda juga dijelaskan wujud keberadaan tujuh ibu iaitu:

² Dalam Bahasa Bharata dan Aryanaka Parwa dijelaskan bahwa Kamadhenu atau Lembu Nandhini adalah ibu pertama dari semua ternak. Kamadhenu yang juga disebut Surabi disebutkan sebagai dewi kekuatan dan kecakapan yang dapat memberikan susu kepada para Dewa dan Resi. Purana tersebut menegaskan semua ternak yang ada sekarang adalah keturunan dari Kamadhenu. Hal ini yang menyebabkan umumnya masyarakat Hindu di India amat sulit dijumpai yang makan sapi, bahkan umumnya masyarakat Hindu di India tergolong vegetarian.

- 1) Lembu,
- 2) ibu kandung,
- 3) isteri guru kerohanian,
- 4) isteri Brahmin,
- 5) isteri raja,
- 6) bumi, dan
- 7) perawat.

Jadi dengan demikian, lembu adalah salah satu ibu yang harus masyarakat Hindu hormati dan sayangi, sehingga mereka memberikan penghormatan yang sangat besar kepada lembu.

Menurut ketut Wiana (1993), *Gavah visvasyah matarah* bermaksud bahawa lembu adalah ibu seluruh dunia. Berdasarkan satu kalimat itu saja, menurut Darmayasa, mestinya seluruh dunia bersedia menghentikan pembunuhan terhadap lembu. Dalam bukunya itu, beliau berusaha mengumpulkan berbagai sumber terpercaya tentang keagungan dan kemuliaan lembu. Dengan demikian orang-orang semakin memahami pentingnya menghormati lembu, tidak memakan daging lembu, dan menghentikan pembunuhan lembu yang tidak berdosa. Kitab suci Veda dikenal sebagai kitab suci yang anadi-ananta (tanpa awal tanpa akhir), berisikan segala penjelasan tentang alam semesta, tentang bagaimana hidup di alam semesta ini semua terdapat dalam kitab Veda. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh penulis, terdapat beberapa tema utama dalam perbahasan lembu dalam kitab Hindu. Antaranya:

KELEBIHAN MEMELIHARA LEMBU

Dalam kitab-kitab hindu, lembu dikatakan sebagai makhluk yang memenuhi segala keinginan dan keperluan yang dihajati manusia. Antara petikan ayat-ayat yang mengambarkan tema tersebut adalah:

“Saya menyembah Govinda, Tuhan yang terdahulu, perintis pertama yang memelihara lembu, yang menghasilkan semua keinginan, di dalam rumah yang dibina dengan permata rohani, dikelilingi oleh berjuta-juta pokok pokok, sentiasa dijaga dengan penuh penghormatan dan kasih sayang oleh ratusan ribu laksmis atau gopis .”

(Shri Brahma Samhita: 5.29)

“Antara lembu saya yang memenuhi adalah lembu (kamdhenu atau surabhi).”

(Srimad Bhagavadgita: 10.28)

“Lembu adalah punca pengumpulan bijirin makanan seseorang. Dia mengagihkan ramuan terbaik kepada para demigod. Pengorbanan dewa-dewi dan pengorbanan Indra sama-sama dilakukan berdasarkan lembu.”

(Gavopanishada: 3)

Lembu adalah penting kepada pengikut kitab Rig Veda. Beberapa lagu keagamaan merujuk kepada lebih daripada sepuluh ribu lembu. Dalam Rig Veda, lembu sering menjadi simbol kekayaan, dan juga lembu dibandingkan dengan dewi sungai, seperti: “Seperti dua

lembu ibu yang cerah yang menjilat anaknya, Vipas dan Sutudri mempercepatkan perairan mereka". (3.33.1cd)

(Rig Veda)

Menurut Aurobindo, lembu kadang-kadang melambangkan "cahaya" dan "sinar". Aurobindo menulis bahawa *Aditi* (kuasa agung tertinggi) digambarkan sebagai seekor lembu, dan Purusha sebagai seekor kerbau. Dewa Indra pula sering dibandingkan dengan kerbau jantan. Lembu sering disamakan dengan sungai di dalam kitab Rig Veda. Vyasa berkata: "*Lembu adalah suci. Mereka adalah perwujudan anugerah. Mereka adalah pembersih yang paling berkesan*" (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

"lembu Aghnaaya membawa kita kesihatan dan kemakmuran."

(Rig Veda 1.164.27)

"Harus ada kemudahan yang sangat baik bagi air tulen untuk lembu Aghnaaya."

(Rig Veda 5.83.8)

"Lembu Aghnaaya yang tidak boleh dibunuh dalam keadaan apa pun dan dibolehkan menjaga diri mereka dalam keadaan sihat dengan menggunakan air tulen dan rumput hijau, supaya kita dapat dikurniakan dengan kebijikan, pengetahuan dan kekayaan."

(Rig Veda 1.164.40, Atharva Veda 7.73.11, dan Atharva Veda 9.10.20)

Ayat-ayat di atas menunjukkan kebijikan lembu sangat dititikberatkan agar lembu bebas dari kesengsaraan dan tetap sihat, tuhan memberkati mereka yang menjaga lembu, bahkan musuh-musuh tidak boleh menggunakan senjata apa-apa pada lembu, tidak ada yang dibolehkan menyembelih lembu, lembu membawa kemakmuran dan kekuatan, jika lembu tetap sihat dan bahagia, lelaki dan wanita juga akan bebas penyakit dan makmur bahagia, dan juga lembu boleh makan rumput hijau dan air tulen serta tidak boleh dibunuh agar dapat mendatangkan kemakmuran.

LARANGAN MEMBUNUH DAN MEMAKAN DAGING LEMBU

Dalam kitab-kitab Hindu, lembu perlu diberi penghormatan dan dilarang untuk dimakan dagingnya. Antara petikan ayat-ayat yang mengambarkan tema tersebut adalah:

"Ia adalah satu dosa besar untuk membunuh orang yang tidak bersalah. Jangan bunuh lembu, kuda dan orang kita."

(Atharva Veda 10.1.29)

"Manusia tidak boleh membunuh lembu, haiwan lain, dan harus memastikan tiada siapa yang melakukan perkara itu."

(Yajur Veda 12.73)

“Jangan membunuh lembu dan kerbau, yang selalu layak dilindungi.”

(Yajur Veda 13.49)

Terdapat juga ayat-ayat dalam teks Hindu yang memberi peringatan tentang balasan yang akan diterima bagi mereka yang menyakiti lembu. Antara petikan ayat-ayat yang menggambarkan tema tersebut adalah: (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014)

Caitanya Mahaprabhu menegaskan:

Pembunuhan lembu dan pemakanan lembu dikutuk untuk rosak di dalam neraka untuk beribu-ribu tahun kerana ada untuk setiap rambut pada badan setiap lembu yang mereka makan.

(Sri Chaitanya Charitamrita 17: 166)

Terdapat juga penulisan yang menerangkan mereka yang gagal memberi lembu penghormatan dan perlindungan serta memilih untuk menjual seekor lembu untuk disembelih, atau dengan membunuh seekor lembu, atau dengan memakan daging lembu, atau dengan izin untuk penyembelihan lembu, kesemua mereka akan binasa di kawasan paling gelap di neraka selama beribu-ribu tahun mengikut kiraan rambut di badan setiap lembu yang dibunuh (Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014).

MANFAAT LEMBU BUAT ALAM

Dalam kitab-kitab Hindu, lembu adalah anugerah yang tuhan berikan buat alam. Antara petikan ayat-ayat yang menggambarkan tema tersebut adalah:

“Semoga ada lembu-lembu di hadapan saya, di belakang saya dan di sekeliling saya. Saya tinggal dengan lembu.”

(Mahabharata Anushasana Parva 80-3)

“Jangan tidur pada waktu malam tanpa memuji lembu. Jangan bangun pagi tanpa mengingati lembu. Tawarkan rasa hormat kepada lembu setiap hari, pada waktu pagi. Dengan berbuat demikian, manusia mencapai kekuatan dan kesejahteraan.”

(Gavopanishada: 11)

“Jangan benci kencing lembu dan tahi lembu. Jangan makan daging lembu. Dengan mengikuti nasihat ini, manusia akan dapat menjadi makmur.”

(Gavopanishada: 12)

“Oh lembu! Dengan susu dan lemak anda, anda membuat tubuh yang lemah itu kuat, dan memelihara orang yang sakit dengan kesihatan. Dengan kata-kata suci (kuasa) kamu, kamu memberikan balsan pada rumah kita. Kemuliaan anda dibincangkan dalam pertemuan.

(Atharva Veda 4.21.11 dan 6)

“Tuhan dan manusia hidup pada hasil lembu. Sehingga matahari bersinar, alam semesta akan mempunyai lembu. Seluruh alam semesta bergantung kepada sokongan lembu.”

(Atharva Veda 10.10.34)

Shulka Yajur Veda 1-4 juga menyatakan lembu itu akan meningkatkan jangka hayat orang bijak-pandai yang terlibat dalam pengorbanan dan pelaku pengorbanan. Lembu mengkoordinasikan semua upacara pengorbanan. Dengan memberikan per'sembahan' seperti susu, lembu akan menyuburkan semua dewa.

(Yajur Veda)

Panca Gavya adalah lima benda yang dikeluarkan atau dihasilkan lembu. Darmayasa menemukan seloka dalam bahasa Sanskrit di dalam kajiannya yang menyebutkan kelima-lima produk yang dihasilkan lembu iaitu air kencing lembu, kotoran lembu, susu lembu, susu masam, dan lemak, kesemuanya ini disebut sebagai Panca Gavya. Panca Gavya tersebut adalah amat suci dan penghancur segala dosa. (Made Dermayasa, 2009)

Terdapat salah satu mazhab agama Hindu yang terletak di bandar Agra, utara India mempraktikkan pengambilan minuman air kencing lembu setiap pagi kerana dikatakan air kencing lembu mampu menyembuhkan penyakit kanser, diabetes, tumor, dan sakit perut. Menurut seorang Pendeta Hindu, Ramesh Gupta, air kencing yang diminum berdasarkan pemilihan lembu yang masih perawan adalah perlu, kerana haiwan itu masih murni. "*Di dunia ini hanya ada dua hal yang masih suci. Satu, air dari Sungai suci Gangga dan kedua, air seni dari induk lembu yang suci*"

Masyarakat Hindu menjadikan lembu sebagai sumber kehidupan, bukan sahaja dalam menghasilkan pelbagai produk makanan dan minuman yang bersumberkan lembu, tetapi juga kepada tahap menjadikan air kencing atau kotoran lembu termasuklah tahi lembu sebagai bahan ubat-ubatan. Ilmuwan moden dikatakan kononnya pernah mengkaji air kencing lembu dan kotoran lembu seterusnya mendapati ianya mengandungi bahan anti-septik yang mampu digunakan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit. Di India sendiri, terdapat lima jenis produk yang dihasilkan oleh lembu iaitu: susu, susu masam (*yogurt*), lemak (*ghee*), kencing lembu dan kotoran lembu. Hal ini berdasarkan konsep Panca Gavya.

PERAYAAN LEMBU DALAM AGAMA HINDU

Kebanyakan perayaan Hindu menghormati lembu. Kehadiran lembu adalah penting untuk kebanyakan upacara ritual dalam agama Hindu. Segala sesuatu yang berasal dari lembu itu dianggap suci, termasuklah kencing dan kotorannya. Berikut adalah beberapa perayaan dalam agama Hindu yang melibatkan lembu (Lutfiyanti Andromedia, 2017):

- 1) *Gotrirama vrata*: Satu perayaan untuk mengagungkan lembu. Dalam perayaan gotrirama vrata terdapat kewajiban bahawa tiga hari berturut-turut hendaknya melakukan puasa dan melakukan pemujaan kepada lembu.
- 2) *Gopastami*: Satu perayaan di India untuk mengagungkan lembu. Gopastami sebuah perayaan agama Hindu pada Kartika Sukla Astami. Pada perayaan ini orang-orang memuja lembu dan memberikan makanan khusus kepada lembu.
- 3) *Pongal*: Ia adalah sambutan selama empat hari yang mengambil bahagian di Tamil Nadu, bagian selatan India. Sambutan ini bertujuan untuk menzahirkan ucapan terima

kasih kepada alam semula jadi. Perayaan ini adalah satu-satunya perayaan Hindu yang mengikuti kalendar solar dan sentiasa bermula pada 13 Januari. Hari ketiga sambutan perayaan ini dikenali sebagai Mattu Pongal, dan bertujuan untuk mengucapkan terima kasih kepada lembu dan kerbau yang membajak tanah. Lembu dibasuh, berpakaian, dicat dan dihiasi dengan manik berwarna-warni, kalung bunga dan loceng. Mereka diberi makan dengan Pongal dan dibawa ke pusat kampung. Kejutan lonceng mereka menarik penduduk kampung sebagai pemuda berlomba-lomba lembu masing-masing. Keseluruhan suasana menjadi perayaan dan penuh keseronokan dan perayaan (<http://www.pongalfestival.org/pongal-festival.html>).

- 4) *Gaijatra*: merupakan salah satu perayaan yang paling popular di Nepal. Semasa perayaan, lembu akan berarak di jalan-jalan bertujuan untuk memperingati ahli keluarganya yang telah meninggal dunia sepanjang tahun. Ia adalah satu cara untuk mengatasi kesedihan (<https://www.insidehimalayas.com/story-gai-jatra-festival/>). Adalah dipercayai bahawa seekor lembu, yang dihormati sebagai binatang suci oleh orang Hindu, akan membantu perjalanan ahli keluarga ke syurga. Nama perayaan 'Gaijatra' diterjemahkan kepada perayaan lembu.
- 5) *Deepavali*: ataupun juga dikenali dengan nama Diwali atau Tihar. Ia adalah perayaan Hindu yang menandakan kemenangan kebaikan atas kejahanan. Masyarakat Hindu di Nepal juga meraikan Deepawali, tetapi mereka menyebutnya dengan panggilan Tihar dan meraikannya secara berbeza berbanding di negara lain. Di Nepal, adat puja Dewi Lakshmi untuk perayaan ini tidak akan lengkap tanpa lembu. Pada hari utama perayaan, lembu disembah sebagai bentuk Dewi Lakshmi. Selain itu, pagi hari ketiga dalam perayaan Tihar ini adalah *Gai Tihar* (penyembahan lembu). Dalam agama Hindu, lembu menandakan kemakmuran dan kekayaan. Manusia banyak mendapat manfaat daripada lembu. Oleh itu, pada hari ini orang menunjukkan kesyukuran mereka kepada lembu dengan menghiasi dan memberi makanan kepada haiwan tersebut dengan rumput yang terbaik (<https://www.ashesh.com.np/lakshmi-puja>).
- 6) *Govardhan Puja*: merupakan hari keempat dalam perayaan Deepavali dan ianya diraikan secara besar-besaran di Haryana, Uttar Pradesh, Bihar, Punjab dan Maharashtra. Perayaan ini lebih tertumpu kepada puja atau upacara doa bagi dewa Krishna. Govardhan diterjemahkan kepada berkat (vardhan) yang diberikan kepada manusia oleh seekor lembu yang merupakan makhluk suci dalam budaya Hindu. Selain mempersembahkan makanan, orang Hindu juga membuat patung lembu dan merayakan perayaan ini dengan tarian. Govardhan Puja juga merupakan simbol hadiah yang diberikan kepada manusia (<https://www.utsavpedia.com/weddings-festivals/festivals/govardhan-puja>).
- 7) *Shivaratri*: Satu pesta Hindu yang disambut setiap tahun sebagai penghormatan kepada Dewa Siva. Perayaan ini dilakukan dengan mengingati Dewa Siva dan melaungkan doa, berpuasa, dan bermeditasi. Para penganut yang bersemangat akan terus berjaga sepanjang malam. Para penganutnya juga akan melawat kuil Siva (James

D. Ryan, 2006, Ensiklopedia Hindu, Infobase Publishing). Sembahan kepada Dewa Siva tidak akan lengkap tanpa memberi penghormatan kepada lembu ataupun dikenali sebagai Nandi yang merupakan haiwan peliharaannya. Terutamanya kepada wanita kerana Dewa Siva dianggap sebagai suami yang ideal dan wanita yang belum berkahwin akan berdoa supaya berjodoh dengan suami seperti Dewa Siva (<https://www.beliefnet.com/faiths/hinduism/what-is-maha-shivaratri.aspx>).

KESIMPULAN

Amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu bertitik tolak daripada aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India iaitu pada zaman Veda kuno. Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alatan bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya. Dalam agama Hindu, lembu merupakan binatang yang dihormati dan diagungkan oleh masyarakat Hindu kerana lembu dianggap sebagai tempat bersemayam bagi para dewa-dewi. Di dalam tubuh lembu bersemayamnya tiga puluh tiga dewa. Penghormatan terhadap lembu dilihat dari segi masyarakat Hindu berpantang dari memakan daging lembu dan lebih memilih hidup sebagai *vegetarian*. Masyarakat Hindu menjadikan lembu sebagai sumber kehidupan, bukan sahaja dalam menghasilkan pelbagai produk makanan dan minuman yang bersumberkan lembu. Tuntasnya, lembu dianggap sebagai haiwan suci hanya selepas zaman Brahmin di mana penyucian kedudukannya sebagai haiwan suci yang pada asalnya bertitik tolak daripada faktor ekonomi menyebabkan akhirnya identiti lembu dikaitkan dengan doktrin keagamaan.

RUJUKAN

- Achaya, K. T, 2002, *A Historical Dictionary of Indian Food*. Oxford University Press.
- Jha, Dwijendra Narayan, *The Myth of the Holy Cow*, London, New York.
- Margo DeMello, 2012, *Animals and Society: An Introduction to Human-animal Studies*, Columbia University Press.
- Lutfiyanti Andromedia, 2017, *Lembu dalam perspektif umat Hindu di pura penataran luhur medang kamulan gresik*, Surabaya.
- Bhaktivedanta Swami Prabhupada, 2014, *Voice of Cows*, Sanak Sanatan Das.
- Harris, Marvin. *Good to Eat: Riddles of Food and Culture*, New York: Simon & Schuster, 1985.
- Jero Sepuh Istri, 7 Mei 2017, Wawancara, Pura Penataran Luhur.
- Harris Marvin, 1987, *The Sacred Cow and the Abominable Pig: Riddles of Food and Culture*, Simon & Schuster.
- Kadek Sumila, 14 Mei 2017, Wawancara, Pura Penataran Luhur.
- Ketut Wiana, 1993, Pengantar buku oleh Made Dermayasa: “*Keagungan Lembu Menurut Weda*”, Jakarta: Pustaka Manikgeni, hlm.1.
- Made Darmayasa, 2009, *Keagungan Lembu Menurut Weda*, Bali: Manikgenik, hlm.9.

Stephen K. Sanderson, 2011 “*Topik Khusus: Lembu yang Suci dan Babi yang Menjijikkan*”,
dalam Makrososiologi (edisi kedua) (terj.). Jakarta: RajaGrafindo Persada (cet. ke-6).
Hal. 79-83.

<https://www.ashesh.com.np/lakshmi-puja/> .12 oktober 2014

<https://www.britannica.com/topic/Hinduism>

<http://www.britannica.com/topic/Advent>

<https://www.beliefnet.com/faiths/hinduism/what-is-maha-shivaratri.aspx>

<https://www.etymonline.com/word/religion>

<https://www.etymonline.com/word/Hindu>

<https://www.insidehimalayas.com/story-gai-jatra-festival/>

<http://www.pongalfestival.org/pongal-festival.html>

<https://www.utsavpedia.com/weddings-festivals/festivals/govardhan-puja/>